

# 'Rakyat akan tetap sanjung Dr Mahathir'

BALING, Rabu — Ahli Jawatankuasa Umno bahagian Baling, Encik Md Zanu Che Teh, hari ini yakin rakyat, tetap menyanjung Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, walaupun pelbagai tohmah dan fitnah dilemparkan kepadanya sekarang.

Katanya: "Saya amat yakin, kalau pertandingan jawatan Presiden Umno pada 24 April ini diadakan secara pungutan suara terbuka, rakyat pasti akan memilih Datuk Seri Dr Mahathir."

Ini, katanya, kerana rakyat sudah mengenali dan memahami perjuangan Perdana Menteri yang berteraskan prinsip Islam.

"Kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir yang berpegang kepada teras perjuangan Islam mungkin sukar ditegakkan pada masa depan, jika beliau tidak meneruskan kepemimpinannya yang masih diperlukan oleh rakyat pada masa ini," katanya.

Encik Md Zanu yang juga Ketua Umno cawangan Dalam Wang, berkata semua rakyat tahu bahawa Datuk Seri Dr Mahathir adalah seorang pemimpin yang jujur dan sentiasa berusaha menunaikan janji yang dibuat kepada rakyat, khususnya di luar bandar.

Beliau berkata, ada pemimpin yang memberi jaminan kononnya dia

boleh menyelesaikan masalah kelembapan ekonomi negara dalam tempoh enam bulan jika dipilih sebagai Presiden Umno.

"Pemimpin yang menjanjikan demikian bercakap seolah-olah dia itu Tuhan. Saya tidak yakin ucapan pemimpin seperti itu sesuatu yang jujur kerana dia sendiri tahu kelembapan ekonomi sekarang adalah berpunca dari kemerosotan ekonomi dunia yang membawa kesan juga kepada negara kita," katanya.

Mengenai tuduhan setengah pihak kononnya Datuk Seri Dr Mahathir seorang diktator, Encik Md Zanu berkata: "Suara itu datang daripada mereka yang benci kepada kemajuan yang sudah dibawa oleh Perdana Menteri kepada negara, khususnya kepada Bumiputera di luar bandar dan ia juga lahir daripada mereka yang mempunyai kepentingan untuk diri sendiri."

"Datuk Seri Dr Mahathir tidak syak lagi mempunyai syarat-syarat yang cukup untuk menjadi pemimpin, malah beliau disanjung oleh dunia, khususnya di pemimpin serta umat Islam di peringkat antarabangsa.

Encik Md Zanu berkata, kalau Datuk Seri Dr Mahathir tidak lagi memimpin pada saat-saat rakyat memerlukannya ini, dasar penerapan nilai-nilai Islam yang dijalankan sekarang akan turut lenvan.